

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)  
ANTARA JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA DAN  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

Kerjasama antara Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah dimeterai melalui majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) pada 25 Januari 2019 bersamaan dengan 18 Jamadil Awal 1440H bertempat di Bilik Mesyuarat Cumulus, Ibu Pejabat Jabatan Meteorologi Malaysia, Petaling Jaya, Selangor.

Dalam ucapan alu-aluan YBrs. Encik Alui Bahari, Ketua Pengarah MMD menzahirkan kesyukuran hubungan kerjasama yang telah wujud sekian lama bersama pihak UMT dalam bidang marin dan oseanografi akhirnya berjaya dimeterai dalam majlis menandatangani MoA tersebut. Beliau turut memaklumkan bahawa MMD sebagai agensi pelaksana adalah bertanggungjawab untuk memantau dan menyebarkan maklumat cuaca dan ramalan keadaan laut di perairan negara. Informasi-informasi ramalan tersebut dirujuk daripada model-model ramalan numerikal ombak, luruan ribut dan tumpah minyak yang dioperasikan oleh Jabatan.

Beliau turut menegaskan kepentingan ramalan keadaan laut yang tepat dan jitu bagi memastikan aktiviti-aktiviti sosio ekonomi di perairan negara dapat dilaksanakan dengan selamat dan lancar. Menurut beliau, Jabatan akan sentiasa komited dalam meneroka ruang dan peluang kerjasama yang baharu dengan mana-mana pihak untuk mempertingkatkan mutu ramalan dan penyebaran maklumat ramalan keadaan laut agar ia setaraf dengan negara-negara maju sebagaimana tujuan MoA ini.

Selain itu, beliau turut menyatakan komitmen berterusan MMD dalam mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan jabatan melalui ilmu dan kajian-kajian saintifik terkini. Justeru, beliau mengalu-alukan agar UMT menjalankan kajian mengenai interaksi atmosfera-lautan bagi memahami kitaran dan intensiti Monsun Timur Laut serta impak hujan monsun kepada negara amnya dan kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia khususnya.

UMT diwakili oleh Naib Canselornya, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Mokhtar menyatakan bahawa jalinan kerjasama dua hala tersebut adalah bertujuan untuk membina sistem yang komprehensif dalam memberi maklumat terkini berkaitan keadaan laut semasa. Kerjasama erat dengan MMD telah bermula sejak tahun 2017 dalam pembangunan projek *Ocean Forecasting System (OFS)* melibatkan perkongsian data atmosfera dan oseanografi di perairan Laut China Selatan.

Beliau turut menyatakan bahawa UMT komited dalam usaha mewujudkan sebuah sistem penyebaran maklumat berkaitan ramalan suhu, arus dan gelombang melalui pembangunan projek OFS tersebut. Data-data dapat dikongsi bersama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan seterusnya diguna pakai dalam pelbagai platform aplikasi yang memberi manfaat kepada industri perikanan, minyak dan gas serta pelancongan.

Menurut beliau lagi, projek OFS juga mampu menyalurkan maklumat dengan lebih berkesan kepada komuniti pesisir Laut China Selatan dalam kejadian bencana ribut dan sebagainya agar langkah proaktif dapat diambil dengan kadar segera. Selain daripada itu, maklumat dan data tersebut juga dilihat mampu menyumbang kepada penetapan garis panduan serta penggubalan polisi yang akan ditetapkan oleh agensi-agensi terlibat pada masa akan datang.

Majlis menandatangani MoA tersebut menyaksikan YBrs. Ketua Pengarah MMD bersama YBhg. Naib Canselor UMT menandatangani dokumen perjanjian antara pihak Kerajaan Malaysia, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan pihak UMT sambil disaksikan oleh YBrs. Encik Ambun Dindang, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Teknikal, MMD dan YBrs. Prof. Madya Dr. Aidy@ Mohamed Shawal M. Muslim, Pengarah Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), UMT. Turut hadir bersama dalam majlis tersebut adalah barisan pengurusan MMD dan delegasi dari UMT.



YBrs. Ketua Pengarah MMD menyampaikan kata-kata aluan



Antara barisan hadirin yang menghadiri Majlis Menandatangani MoA antara MMD dan UMT



YBrs. Encik Alui Bahari, Ketua Pengarah MMD dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Mokhtar, Naib Canselor UMT menandatangani dokumen MoA antara MMD dan UMT





YBrs. Encik Ambun Dindang menandatangani dokumen MoA selaku saksi MMD



YBrs. Prof. Madya Dr. Aidy@ Mohamed Shawal M. Muslim menandatangani dokumen MoA selaku saksi UMT



Sesi pertukaran dokumen MoA di antara MMD dan UMT





Sesi penyampaian cenderahati oleh MMD dan UMY



Gambar berkumpulan barisan pengurusan tertinggi dan pengarah-pengarah MMD bersama delegasi UMT